

Kabinet baru disokong semua kaum

SEGAMAT, Sabtu.— Kabinet baru pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat berbilang keturunan dalam merangka strategi pembangunan negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, mengesakan pagi ini, Kabinet berkenaan juga menerima sokongan, bukan hanya dari segolongan rakyat, malahan berbilang kaum.

Pihak pembangkang, katanya, perlu menyedari hakikat ini kerana ia membuktikan Kerajaan sekarang memperjuangkan nasib rakyat berlandaskan prinsip demokrasi dan liberal.

"Kabinet baru ini akan terus berjuang dan berusaha untuk memajukan negara keseluruhannya dan masyarakat berbilang kaum dalam jangka panjang," tambahnya.

Timbalan Perdana Menteri yang berada di sini dalam lawatan separuh rasmi berkata, beliau membuat tafsiran peribadi sedemikian berdasarkan sambutan spontan rakyat berbagai bangsa sewaktu ketibaannya petang semalam.

Di samping merakamkan kegembiraan terhadap sambutan spontan itu, Datuk Musa berkata, beliau terharu dikerumuni rakyat, terutamanya keturunan China dan India yang berebut-rebut ingin bersalaman dan memeluknya tanda hormat kepadanya yang baru dilantik Timbalan Perdana Menteri.

Hampir 5,000 rakyat, termasuk pemimpin dan ahli UMNO dari seluruh bahagian di Johor, perwakilan MCA dan MIC serta rakyat berbilang keturunan di Segamat dan Labis menyambut ketibaan Datuk Musa.

Timbalan Perdana Menteri kemudi-

Oleh RUHANIE HAJI AHMAD

annya berbuka puasa dengan sahabat dan rakan seperjuangannya di Masjid Jamek dan bertahil dan bertarawih bersama rakyat.

Walaupun beliau menafikan lawatan itu kunjungan biasa untuk berbuka puasa seperti yang dilakukannya setiap tahun, Datuk Musa merasakan kepeluangannya ke kawasan pilihanraya Labis kali ini sungguh bermakna dan mengharukan.

"Saya menafikan sambutan rakyat secara spontan ini sebagai pertanda baik bagi Kabinet baru kita dan juga kepada perjuangan serta matlamat UMNO dan Barisan Nasional Johor, terutamanya kerana Johor adalah kubu parti pemerintah.

"Kemeraan rakyat berbilang kaum ini juga membuktikan UMNO Johor berjaya menggembelingkan tenaga di kalangan ahli serta memelopori semangat muhibbah di kalangan masyarakat berbagai bangsa," tambahnyanya.

Datuk Musa yang juga Timbalan Presiden UMNO Malaysia serta Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Johor, bangga kerana partinya memperluaskan semangat perpaduan itu juga dalam konteks Barisan Nasional.

"Seperti di tahun-tahun yang lalu, UMNO Johor sentiasa kukuh dan kedudukan kita akan terus kukuh di masa-masa akan datang.

"Oleh itu, saya ingin mengingatkan pembangkang yang bercita-cita bertapak di Johor dan memecahkan perpaduan rakyat, supaya berfikir panjang serta menyedari hakikat bahawa UMNO dan Barisan Nasional Johor sentiasa bersatu-padu untuk berjuang dan menentang mereka, subversif komunis serta anasir anti-nasional di negeri dan negara ini, tegasnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia